

30/09/2003

Ekonomi Malaysia dijangka makin kukuh

CAPITAL Dynamics Sdn Bhd (Capital Dynamics), menjangka ekonomi Malaysia akan semakin kukuh dan pasaran saham mampu memperlihatkan sentimen bulis tahun depan.

Capital Dynamics, pengendali buletin pelaburan mingguan iCapital berkata, unjuran itu dibuat walaupun Malaysia akan memperlihatkan perubahan pucuk pimpinan bulan depan.

Pengarah Urusan Capital Dynamics, Tan Teng Boo, berkata ini kerana perubahan kepemimpinan yang akan berlaku bakal digantikan dengan tokoh yang juga berkaliber.

Katanya, pengunduran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka pasti membabitkan rombakan Kabinet dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka melantik pemimpin yang berkaliber menggantikannya dan mengisi jawatan Menteri Kewangan.

"Tiga jawatan itu adalah penting dan selalunya diberikan perhatian banyak pihak termasuk pelabur sebelum membuat keputusan pelaburan.

"Kami yakin dengan kemampuan Perdana Menteri baru untuk mengambil langkah yang wajar demi masa depan ekonomi negara," katanya pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

Tan berkata, keyakinan itu bersandarkan ucapan Abdullah pada majlis anjuran Persatuan Oxford dan Cambridge Malaysia yang membayangkan wawasannya mencorak masa depan ekonomi negara.

Beliau berkata, Timbalan Perdana Menteri juga peka kepada cabaran utama yang boleh menjejaskan usaha Malaysia mencapai status negara maju dan mengambil langkah menanganinya segera.

"Kami yakin beliau dapat mencari penyelesaian kepada sebarang permasalahan dan Malaysia akan berada pada landasan pertumbuhan lebih baik manakala pasaran saham terus bulis," katanya.

Beliau berkata, kajian iCapital terhadap data ekonomi Malaysia menunjukkan ia mampu meningkat pada kadar antara lima peratus hingga enam peratus tahun depan.

Sejak diasaskan 15 tahun lalu, iCapital ialah antara buletin pelaburan yang mempunyai reputasi baik kerana kemampuannya meramal arah aliran pasaran.

Tan berkata, iCapital menggunakan analisis konservatif dan dibuat berdasarkan kepada data pasaran serta ekonomi bagi rasmi untuk menjamin kewibawaan unjurannya.

Beliau berkata, walaupun fokus iCapital ialah pada saham yang diniagakan di bursa saham, ia turut mencakupi aspek lain seperti pengaruh tempatan serta global.